



KERAJAAN MALAYSIA

PERTUKARAN MATA WANG ASING

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PPK 9

JUN 2007

**PIAWAIAN PERAKAUNAN
KERAJAAN**

**PERTUKARAN MATA WANG
ASING**

PPK 9

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PPK 9

Pertukaran Mata Wang Asing

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel : 03-88821000

Faks : 03-88895821

E-mel : janm@anm.gov.my

Laman web: www.anm.gov.my

Kandungan

<i>Isi Kandungan</i>	<i>Perenggan</i>
TUJUAN	1
SKOP	2
LATAR BELAKANG	3
DEFINISI	4
DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN	5
PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN	6
TARIKH KUAT KUASA	7

1. TUJUAN

Pernyataan ini adalah bertujuan untuk menetapkan piawaian perakaunan bagi urus niaga yang melibatkan mata wang asing.

2. SKOP

Pernyataan ini hendaklah digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang mengaakumkan urus niaga dan kesan perubahan dalam pertukaran mata wang asing.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Pernyataan Pertukaran Mata Wang Asing adalah:

3.1.1 sebagai satu garis panduan bagi menyeragamkan amalan perakaunan yang merangkumi definisi, prosedur perakaunan dan persembahan dalam penyata kewangan kerajaan;

3.1.2 berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1985) dan dilaksanakan mengikut Arahan Perbendaharaan serta aturan dan peraturan kewangan lain yang berkuat kuasa.

3.2 Mana-mana perenggan di dalam piawaian ini yang merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah juga dirujuk kepada peruntukan Perlembagaan Negeri mengikut mana yang berkenaan melainkan dinyatakan secara khusus.

4. DEFINISI

4.1 Mata Wang Asing

Mata wang asing adalah mata wang selain daripada Ringgit.

4.2 Kadar Pertukaran

Kadar pertukaran adalah nisbah pertukaran Ringgit berbanding mata wang asing.

4.3 Kadar Pertukaran Mata Wang Asing Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Kadar pertukaran mata wang asing JANM adalah kadar pertukaran yang dikeluarkan oleh JANM dari masa ke masa berasaskan kadar yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk kegunaan semua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta Ketua Perwakilan Malaysia di luar

negeri bagi tujuan mengurus dan mengakaunkan urus niaga yang melibatkan mata wang asing.

5. DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN

5.1 Urus Niaga Pertukaran Mata Wang Asing Di Dalam Negeri

5.1.1 Terimaan Mata Wang Asing

Semua terimaan mata wang asing yang sah diperlakukan hendaklah direbitkan dalam Ringgit mengikut kadar pertukaran mata wang asing JANM. Walau bagaimanapun, terimaan tersebut hendaklah diakaunkan oleh pejabat perakaunan mengikut kadar pertukaran bank sebenar.

Perbezaan kadar pertukaran mata wang asing JANM dengan kadar pertukaran bank sebenar hendaklah diselaraskan ke dalam Buku Tunai Cerakinan oleh pejabat pemungut.

5.1.2 Bayaran Atau Pemindahan Dana Dalam Mata Wang Asing

Semua bayaran atau pemindahan dana dalam mata wang asing hendaklah diakaunkan mengikut kadar pertukaran bank sebenar.

5.1.3 Tuntutan Bagi Perbelanjaan Yang Dilakukan Di Luar Negeri

Semua tuntutan yang dibuat di dalam negeri bagi perbelanjaan yang dilakukan di luar negeri hendaklah diakaunkan dalam Ringgit mengikut kadar pertukaran mata wang asing JANM.

5.2 Urus Niaga Pertukaran Mata Wang Asing Di Luar Negeri

5.2.1 Terimaan Dan Bayaran

Semua terimaan dan bayaran hendaklah direkodkan oleh pemegang panjar dalam mata wang negara berkenaan atau mata wang yang diluluskan oleh kerajaan.

5.2.2 Perakaunan Panjar

Urusniaga seperti perenggan 5.2.1 di atas hendaklah diakaunkan oleh Pejabat Perakaunan dalam Ringgit mengikut kadar pertukaran mata wang asing JANM pada tarikh urus niaga dilakukan.

5.2.3 Akaun Untung Rugi Pertukaran Mata Wang Asing

- i. Perbezaan nilai kadar pertukaran mata wang asing JANM dengan kadar pertukaran bank sebenar hendaklah

diakaunkan kepada Akaun Untung Rugi Pertukaran Mata Wang Asing.

- ii. Baki Akaun Untung Rugi Pertukaran Mata Wang Asing pada akhir sesuatu tahun kewangan hendak diselaraskan ke dalam perbelanjaan mengurus atau ke dalam akaun hasil mana yang berkenaan.

6. PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Persembahan Pertukaran Mata Wang Asing hendaklah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1985) dan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 - Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

6.1 Lembaran Imbangan

Untung atau rugi pertukaran mata wang asing hendaklah ditunjukkan dalam Akaun Hasil Disatukan.

6.2 Memorandum Aset Dan Liabiliti

Aset dan liabiliti dalam mata wang asing hendaklah dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum mengikut kadar pertukaran yang dikeluarkan BNM pada 31 Disember sesuatu tahun kewangan.

7. TARIKH KUAT KUASA

Piawaian ini berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2008.